



03 OCT, 2024

JKDM rampas daging babi RM9 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM rampas daging babi RM9 juta

Kuala Lumpur: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas daging babi dianggarkan bernilai RM9 juta dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini setakat Januari hingga September lalu.

Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, jumlah rampasan itu membabitkan nilai cukai berjumlah RM323,527 membabitkan 22 kes.

“Data ini menunjukkan JKDM komited dalam membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan termasuk penyeludupan daging khin-

zir.

“JKDM percaya dengan tambahan 66 unit mesin pengimbas yang ditempatkan di seluruh negara serta peroiehan 20 ekor Anjing Pengesanan Dadah (APD), kita sentiasa komited mempertingkatkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan bagi membanteras penyeludupan terutama di sempadan negara,” katanya.

Anis Rizana berkata, berhubung penyeludupan kar-

kas babi melalui pengkalan haram, JKDM menyatakan terdapat pelbagai agensi penguatkuasaan lain turut sama bertugas mengawal pintu sempadan negara.

“Setiap Kementerian diberi tanggungjawab di bawah pelbagai undang-undang bertulis bagi memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjaga.

“JKDM sentiasa komited dan bersedia bekerjasama dengan agensi-agensi lain

dalam mengawal pintu keluar masuk negara demi mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara,” katanya.

Menurutnya, orang ramai diminta memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

“JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” katanya.

“**JKDM komited membanteras aktiviti penyeludupan**”
Anis Rizana



03 OCT, 2024

JKDM rampas daging babi RM9 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Ja b a t a n Kastam Diraja Malaysia (JKDM) berjaya merampas daging babi dianggarkan bernilai RM9 juta dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini setakat Januari hingga September lalu. Ketua Pengarah Kastam Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, jumlah rampasan itu membabitkan nilai cukai berjumlah RM323,527 membabitkan 22 kes . “Data ini menunjukkan JKDM komited dalam membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan termasuk penyeludupan daging khinz

i r.